



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 01 Tahun 2020

**PELAKSANAAN *KEY PERFORMANCE INDICATOR* (KPI) PENERBITAN
TAHUNAN MINIMUM BAGI STAF AKADEMIK UiTM DAN PENETAPAN STAF
AKADEMIK UiTM DALAM TREK PENYELIDIKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan *Key Performance Indicator* (KPI) penerbitan tahunan minimum bagi staf akademik UiTM dalam Trek Penyelidikan dan lain-lain Trek (Trek Pengajaran & Pembelajaran, Trek Kepimpinan Institusi dan Trek Pengamal Industri) mengikut kategori penyelidik dan juga bertujuan memaklumkan berkenaan prosedur bagi penetapan staf akademik UiTM dalam Trek Penyelidikan.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membuat penilaian dan penarafan secara berkala terhadap semua universiti awam melalui instrumen berikut di mana penerbitan merupakan salah satu elemen penilaian utama:
 - a) *Malaysia Research Assessment* (MyRA)
 - b) Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (SETARA)
 - c) *Headline KPI / KPI Menteri*
3. Penarafan antarabangsa seperti QS Ranking dan THE Ranking juga menetapkan prestasi penerbitan berindeks dan sitasi sebagai kriteria utama penilaian.

4. Demi mencapai KPI dan meningkatkan bilangan penerbitan berindeks dan sitasi, staf akademik UiTM mestilah menghasilkan penerbitan dengan bilangan minimum tahunan mengikut empat Trek Utama dan kategori penyelidik.
5. Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 10/2019 bertarikh 8 Mei 2019 telah bersetuju melaksanakan pengukuran KPI penerbitan tahunan minimum bagi staf akademik UiTM mengikut kategori penyelidik dan empat Trek Utama dan diselaraskan dengan markah pencapaian tahunan staf akademik melalui sistem penilaian prestasi tahunan semasa atau buat masa ini adalah MyATP.

PENGUATKUASAAN

6. Setiap fakulti dan kampus cawangan diwajibkan mematuhi peratusan minimum staf akademik dalam Trek Penyelidikan mengikut Jadual 1 (di Lampiran A). Prosedur dan garis panduan bagi penetapan staf akademik UiTM ke dalam Trek Penyelidikan adalah diperincikan di dalam Lampiran A.
7. Setiap staf akademik mestilah mencapai KPI penerbitan tahunan minimum seperti yang ditetapkan. Sebarang pencapaian melangkaui KPI minimum tersebut akan diberikan wajaran markah dalam penilaian prestasi tahunan.
8. Staf akademik yang berjaya melaksanakan semua tugas hakiki yang diamanahkan, termasuk memenuhi KPI minimum penerbitan tahunan, wajar dipertimbangkan untuk memperolehi markah cemerlang iaitu 85% atau lebih. Sebaliknya, sekiranya KPI penerbitan tahunan minimum yang digariskan tidak dicapai, maka markah penilaian prestasi tahunan semasa tidak akan mencapai 85%.

PELAKSANAAN PEKELILING

9. Semua staf akademik UiTM adalah dikategorikan mengikut empat Trek Utama dan tahap prestasi penyelidikan mereka. Penetapan KPI penerbitan tahunan minimum adalah berdasarkan empat Trek Utama dan kategori penyelidik seperti ditetapkan dalam Jadual 1 dan diperincikan dalam Lampiran A.
10. KPI penerbitan tahunan minimum bagi staf akademik UiTM mengikut kategori penyelidik dan empat Trek Utama yang akan dinilai melalui sistem penilaian prestasi tahunan staf akademik berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021**.

PEMBATALAN

11. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bilangan 03 Tahun 2017 – Penetapan Kriteria Serta *Key Performance Indicator* (KPI) Bagi Trek Penyelidikan dan KPI Penerbitan Bagi Trek Kepimpinan Dan Trek Pengajaran & Pembelajaran adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

12. Semua staf akademik seluruh sistem Universiti Teknologi MARA adalah tertakluk dengan pekeling ini dan ianya perlu dibaca bersekali dengan Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA Bilangan 5 Tahun 2017 – Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP 3.0) Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

13. Pekeliling ini dikeluarkan pada **01 Januari 2021**.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **01 Januari 2021**.



PROFESOR DR. MOHD NAZIP SURATMAN
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan kepada
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektorr UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-TNCPI (6/1)

**PELAKSANAAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) PENERBITAN TAHUNAN
MINIMUM BAGI STAF AKADEMIK UiTM DAN PENETAPAN STAF AKADEMIK UiTM
DALAM TREK PENYELIDIKAN**

1.0 PENGENALAN

Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 10/2019 bertarikh 8 Mei 2019 telah mengesahkan dan meluluskan pelaksanaan KPI penerbitan minimum bagi staf akademik UiTM mengikut kategori penyelidik dan empat Trek Utama serta gred jawatan.

2.0 PELAKSANAAN GARIS PANDUAN

Pelaksanaan garis panduan ini adalah seperti berikut:

- a. Penyediaan data prestasi penyelidikan yang lengkap bagi setiap staf akademik UiTM berpandukan sistem prestasi penyelidik UiTM.
- b. Menetapkan pemilihan staf akademik mengikut Trek Utama (Trek Penyelidikan, Trek Pengajaran & Pembelajaran, Trek Kepimpinan Institusi dan Trek Pengamal Industri) dan diselarikan dengan kategori penyelidik.
 - i. **Trek Penyelidikan:** Staf akademik yang dikenalpasti berdasarkan prestasi penyelidikan tahunan/terkumpul. Pemilihan hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti / UiTM Cawangan / Kolej Pengajian/ PTJ/HICoE/CoE.
 - ii. **Trek Kepimpinan Institusi:** Staf akademik yang dilantik sebagai pentadbir dan menerima elaun pentadbiran bulanan
 - iii. **Trek Pengajaran & Pembelajaran dan Trek Pengamal Industri:** Trek pilihan bagi setiap staf akademik UiTM, selain daripada yang ditawarkan berkhidmat dalam Trek Penyelidikan dan Trek Kepimpinan Institusi.
- c. Menetapkan jumlah penerbitan minimum setahun bagi staf akademik kategori *Leading Researchers* (L-HICoE), *Leading Researchers* (L-CoE) dan *Leading Researchers* (L15%-Fakulti dan Cawangan) bagi staf akademik dalam Trek Penyelidikan mengikut gred jawatan.
- d. Menetapkan jumlah penerbitan minimum setahun bagi staf akademik kategori *Capable Researchers* (C85%) dalam lain-lain Trek (Trek Pengajaran & Pembelajaran, Trek Kepimpinan Institusi dan Trek Pengamal Industri) mengikut gred jawatan.

- e. Penawaran perkhidmatan dalam Trek Penyelidikan yang telah dikenalpasti.
- f. Memastikan pencapaian KPI penerbitan minimum tahunan bagi setiap staf akademik mengikut kategori penyelidik dan Trek Utama.

Penerbitan minimum setahun bagi staf akademik mengikut Trek Utama dan kategori penyelidik adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: KPI Penerbitan minimum tahunan staf akademik UiTM mengikut Empat Trek Utama dan Kategori Penyelidik

TREK PERKHIDMATAN	KATEGORI PENYELIDIK	GRED JAWATAN	JURNAL BERINDEKS	*LAIN-LAIN PENERBITAN
Trek Penyelidikan	<i>Leading Researchers</i> (L-HiCoE)	DM45	5	-
		DM51/52	5	-
		DM53/54	6	-
		VK5/6/7	7	-
Trek Penyelidikan	<i>Leading Researchers</i> (L-CoE)	DM45	4	-
		DM51/52	4	-
		DM53/54	5	-
		VK5/6/7	6	-
Trek Penyelidikan	<i>Leading Researchers</i> (L15%-Fakulti) (L15%-Cawangan)	DM45	3	-
		DM51/52	3	-
		DM53/54	4	-
		VK5/6/7	5	-
Trek Pengajaran & Pembelajaran	<i>Capable Researchers</i> (C85%)	DM41	-	1
Trek Kepimpinan Institusi		DM45/46	1	2
		DM51/52	1	2
Trek Pengamal Industri		DM53/54	3	1
		VK5/6/7	4	1

Nota*: Lain-lain penerbitan adalah berdasarkan kesetaraan MyRA seperti yang disenaraikan.

Kategori "lain-lain penerbitan" dimuktamadkan secara jelas mengikut kesetaraan *Malaysia Research Assessment* (MyRA) seperti berikut:

- Jurnal MyCite;
- Bilangan buku penyelidikan berindeks (SCOPUS/WoS);

- Bilangan buku penyelidikan tidak berindeks;
- Bilangan bab dalam buku penyelidikan berindeks (SCOPUS/WoS);
- Bilangan bab dalam buku penyelidikan tidak berindeks;
- Bilangan kajian kes/laporan teknikal yang telah diterbitkan;
- Kertas polisi;
- Jurnal tidak berindeks;
- Artikel di dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan dari persidangan, digital atau media cetak.

3.0 KATEGORI PENYELIDIK DISELARIKAN DALAM PEMBAHAGIAN KOMPONEN ATS BAGI TREK PENYELIDIKAN

Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA Bilangan 5 Tahun 2017 berkenaan Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP 3.0) UiTM – pada item 3.2.5 yang menyatakan Pengiraan ATS bagi Trek Penyelidikan mengikut gred jawatan adalah dirujuk. Komponen ATS bagi staf akademik Trek Penyelidikan adalah dipatuhi dan akan berubah mengikut arahan pekeling semasa sekiranya ada perubahan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Pembahagian Komponen ATS bagi Trek Penyelidikan

Kategori Penyelidik	Gred Jawatan	KS	PS	Jumlah ATS
Pusat Kecemerlangan Antarabangsa <i>World Class Centre of Excellence (WCoE)</i> Leading Researchers (L - WCoE)	DM51 – VK	2	1	3
Pusat Kecemerlangan Nasional <i>High Institutions Centre of Excellence (HiCOE)</i> Leading Researchers (L - HiCoE)	DM51 – VK	3	2	5
Pusat Kecemerlangan <i>Centre of Excellence (COE)</i> Leading Researchers (L - CoE)	DM45 – VK	4	2	6
Leading Researchers (L15% - Fakulti dan L15% - Cawangan)	VK5/6/7	5	3	8
	DM53/54	6	3	9
	DM51/52	8	4	12
	DM45	10	6	16

4.0 TREK PENYELIDIKAN

- 4.1 Selaras dengan Pekeliling Akademik Bilangan 5 Tahun 2017, kelulusan bagi permohonan staf akademik untuk berkhidmat dalam Trek Penyelidikan (L15%) perlu disahkan, disokong dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/UiTM Cawangan/Kolej Pengajian/PTJ/HICoE/CoE berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Pejabat TNCPI seperti dalam Jadual 3.
- 4.2 Staf akademik yang dilantik sebagai ahli tetap WcoE/HICoE/CoE adalah secara automatik berkhidmat dalam Trek Penyelidikan.
- 4.3 Pemantauan pencapaian KPI Trek Penyelidikan perlu dilaksanakan setiap satu (1) tahun sekali oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/UiTM Cawangan /Kolej Pengajian/PTJ/ HICoE/CoE.

Jadual 3: Kriteria Minimum untuk layak berkhidmat dalam Trek Penyelidikan

Bil	Kriteria	Pencapaian Minimum
1.	Penyelidik Utama (Ketua Penyelidik) Ketua Penyelidik yang berstatus aktif untuk mana-mana geran penyelidikan yang berdaftar di Institut Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pejabat TNCPI, UiTM.	RM 20,000 (S&T) RM 10,000 (Non S&T)
2.	Penyeliaan Pelajar Pasca-Siswazah	1 PhD (Mod Penyelidikan) atau 2 Sarjana (Mod Penyelidikan)
3.	a) Perbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS/Web of Science/ERA; ATAU	Bagi DM45/46/51/52: Sekurang-kurangnya tiga (3) jurnal setahun dan satu (1) daripada jumlah ini sebagai <i>corresponding author</i> /penulis utama. Bagi DM53/54/56: Sekurang-kurangnya empat (4) jurnal setahun dan dua (2) daripada jumlah ini sebagai <i>corresponding author</i> /penulis utama. Bagi VK7/6/5: Sekurang-kurangnya lima (5) jurnal setahun dan tiga (3)

		daripada jumlah ini sebagai <i>corresponding author</i> /penulis utama. Sebahagian daripada pencapaian penerbitan boleh mengambil kira Jurnal MyCite dengan kesetaraan berikut: Satu (1) jurnal SCOPUS/WoS bersamaan dengan tiga (3) jurnal MyCite.
	b) Pengusahaan syarikat pemula/ <i>spin off</i> untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan (Rujuk kelulusan Senat bertarikh 6 September 2016 berkaitan syarikat pemula/ <i>spin-off</i>).	Satu (1) syarikat berdaftar dengan UiTM dan sekurang-kurangnya satu (1) penyelidikan untuk dikomersialkan.

5.0 PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN KPI PENERBITAN MINIMUM TAHUNAN SELARI DENGAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

5.1 Penilaian prestasi tahunan staf akademik menggunakan sistem penilaian prestasi tahunan sedia ada perlulah mengambil kira semua komponen tugas hakiki, selari dengan komponen kriteria kenaikan pangkat iaitu:

- a) Pengajaran dan Penyeliaan
- b) Penyelidikan dan Penerbitan
- c) Kepakaran dan Perundingan
- d) Persidangan
- e) Khidmat Universiti/Masyarakat
- f) Sanjungan dan Anugerah Akademik
- g) Kepimpinan Akademik dan Kualiti Keperibadian

5.2 Staf akademik yang berjaya melaksanakan semua tugas hakiki yang diamanahkan, termasuk memenuhi KPI minimum penerbitan tahunan, wajar dipertimbangkan untuk memperolehi markah cemerlang prestasi tahunan 85% dan ke atas. Sekiranya KPI Penerbitan minimum tahunan yang digariskan tidak dicapai, maka markah penilaian prestasi tahunan tidak akan melebihi 85%.

- 5.3 Bagi staf akademik yang berjaya menghasilkan penerbitan melebihi dari KPI minimum, adalah dicadangkan agar dibenarkan memperolehi markah melebihi markah maksimum bagi seksyen tersebut (*uncapped*), seperti mana yang diamalkan oleh beberapa universiti awam yang lain.